

Liberalisasi keuangan cara perkukuh ekonomi

2002
Daripada Khaidir
Abdul Majid

LUXEMBOURG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah meliberalisasikan pasaran sektor kewangan tidak seharusnya hanya untuk membawa masuk lebih banyak institusi kewangan asing ke dalam sesebuah negara.

Perdana Menteri berkata, ia perlu dilihat sebagai satu cara untuk mengukuh dan membangunkan sistem kewangan sesebuah negara serta meningkatkan potensi pertumbuhan ekonominya.

"Perkara ini lebih bertepatan bagi Malaysia kerana peranan yang dimainkan oleh sektor kewangan dalam memungkinkannya per-

Luxembourg dan Persekutuan Usahawan Luxembourg.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghadapi cabaran yang berterusan dalam mencari strategi untuk memaksimumkan manfaat liberalisasi dan pada masa yang sama mampu meminimumkan risiko yang dibawanya.

"Paling penting ialah untuk mengimbangkan liberalisasi dengan pertimbangan pembangunan serta menentukan pengekalan bukan saja kestabilan kewangan, tetapi juga kestabilan sosioekonomi negara.

"Berikutan itu, lebih daripada segalanya, Malaysia berhasrat membangunkan sistem kewangan yang efektif dan dinamik yang memainkan peranan pen-

Beliau berkata, selain daripada melaksanakan langkah liberalisasi perkhidmatan kewangan yang dirundingkan di Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Malaysia juga melaksanakan liberalisasi secara bersendirian.

Langkah bersendirian itu mencerminkan strategi negara untuk melaksanakan liberalisasi pada rentak yang bersesuaian dengan keupayaan sistem kewangannya untuk menyerap perubahan tanpa membawa implikasi ketidakstabilan.

Dr Mahathir juga berkata beban untuk memastikan langkah liberalisasi berjaya tidak seharusnya dipikul oleh Malaysia saja.

"Kepentingan asing yang diberi akses kepada pasaran negara perlu memainkan

tumbuhan, iaitu satu peranan yang penting dalam memudahkan pembangunan dan transformasi ekonomi negara," katanya pada jamuan tengah hari dengan masyarakat perniagaan Luxembourg di sini, hari ini.

Dr Mahathir tiba di sini dari Geneva semalam untuk lawatan rasmi tiga hari. Luxembourg, negara ketiga dalam siri lawatan Perdana Menteri ke Eropah selepas Vatican City dan Switzerland, terkenal dengan kedudukannya sebagai pusat kewangan dan pelaburan Kesatuan Eropah dengan lebih 60 peratus daripada bon Euro diapungkan di pasaran sahamnya.

Perdana Menteri berkata bagi Malaysia, sektor kewangan adalah satu bidang yang strategik dan ia perlu terus kekal efektif serta berkemampuan bertindak dalam menghadapi ekonomi domestik yang semakin menjadi global.

"Berikutan itu liberalisasi harus dipertimbangkan dalam konteks membangunkan sektor kewangan bagi menyokong ekonomi domestik," katanya pada majlis yang dihadiri ahli Dewan Perniagaan Luxembourg, Persatuan Bank

ting dalam memenuhi agenda sosioekonomi negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah tergesa-gesa untuk meliberalisasi tanpa memberi pertimbangan kepada keperluan berkenaan akan hanya membawa risiko ketidakstabilan kewangan dan sosioekonomi dalam jangka sederhana.

Seperti yang dapat dilihat dalam beberapa kes sebelum ini, langkah kestabilan kewangan yang dibawa oleh usaha liberalisasi yang tidak dilaksanakan secara tepat, boleh menjurus kepada ketidakstabilan sosioekonomi yang mengancam.

Menyedari risiko yang dibawa oleh liberalisasi pasaran, Dr Mahathir berkata Malaysia sudah mengambil langkah untuk membangunkan rangka kerja institusi yang bersesuaian dan membentuk prasyarat yang perlu dalam memastikan proses liberalisasi berjalan lancar.

Pada m&a yang sama, Perdana Menteri berkata Malaysia juga bersikap pragmatik dan dasarnya sentiasa dikaji semula serta disesuaikan untuk memenuhi kepentingan negara.

kan peranan yang lebih aktif dalam membangunkan sektor kewangan negara, terutama dalam menawarkan bantuan teknikal dalam bidang yang ketandusan kepakaran tempatan.

"Peranan sedemikian bukan hanya boleh mengukuhkan sektor kewangan negara, tetapi juga membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada entiti asing di Malaysia," katanya.

Berikutan langkah liberalisasi perkhidmatan kewangan yang diambil Malaysia, kepentingan asing kini memafkan fungsi yang ketara dalam ekonomi negara, kata Dr Mahathir.

Malaysia kini mempunyai 25 bank komersial termasuk dua bank Islam yang mana 13 adalah milik asing.

Kepentingan asing itu menguasai 26 peratus daripada keseluruhan aset, 25 peratus daripada deposit dan 25 peratus daripada pinjaman yang dikeluarkan sistem perbankan negara.

Selain itu, kepentingan asing dalam pasaran insurans negara lebih ketara ia itu menguasai 64 peratus daripada premium insurans hayat dan 39 peratus daripada premium insurans am.